

BIDANG HADIS: (TINGKATAN 4)
PELAJARAN 8: HINDARI DOSA-DOSA BESAR

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُؤَيَّاتِ قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ،
وَمَا هُنَّ؟ قَالَ: الشِّرْكُ بِاللَّهِ، وَالسَّحَرُ، وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ، وَأَكْلُ الرِّبَا،
وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ، وَالتَّوَلَّى يَوْمَ الرَّحْفِ، وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ.
(متفق عليه)

Dalam Hadis di atas, Rasulullah SAW memerintahkan agar kita menjauhi tujuh perkara dosa besar yang merosakkan amal soleh yang lain.

Pilih jawapan A/B/C. Kemudian tulis jawapan anda di dalam kotak yang disediakan.

1. Apakah maksud syirik khafi?

- A. Melakukan sesuatu amalan bukan bertujuan kerana Allah seperti solat untuk mendapat pujian.
- B. memberitahu manusia amalan yang dilakukan untuk mendapat sesuatu ganjaran.
- C. Menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu pada zat, sifat dan af'al (perbuatan).

2. Apakah maksud sumaah?

- A. bangga dengan amalan dan kelebihan yang ada pada diri sendiri.
dua amalan yang boleh menghindari diri daripada sihir.
- B. Melakukan sesuatu amalan bukan bertujuan kerana Allah seperti solat untuk mendapat pujian.
- C. Sumaah ialah memberitahu manusia amalan yang dilakukan untuk mendapat sesuatu ganjaran.

3. Ujub ialah:

- A. memberitahu manusia amalan yang dilakukan untuk mendapat sesuatu ganjaran.
- B. bangga dengan amalan dan kelebihan yang ada pada diri sendiri.
- C. Perbuatan yang memudharatkan orang lain dengan bantuan jin.

4. Dua amalan yang boleh menghindari diri daripada sihir ialah:

- A. Mengamalkan membaca al-Fatihah dan ayat al Kursi.
- B. Membaca buku dan melihat al-Quran
- C. Mengamalkan dan memakai tangkal azimat.

5. Hikmah pengharaman makan riba dalam Islam ialah:

- A. Umat Islam tidak fokus untuk mengembangkan harta dengan pekerjaan yang mulia.
- B. Ekonomi umat Islam berada ditahap yang rendah.
- C. Dapat memelihara harta orang Islam agar tidak dieksploitasi dengan cara yang salah.

6. Sebab Islam melarang makan harta anak yatim kerana:

- A. Anak yatim tidak hilang punca Pendapatan apabila dewasa kelak
- B. Elak anak yatim hidup terbiar.
- C. Berlaku pergaduhan dan memutuskan hubungan silaturahim antara anak yatim dan penjaganya.

7. Akibat kepada perempuan yang beriman dan suci dituduh berzina ialah:

- A. Tidak mengalami tekanan jiwa kepada tertuduh dan keluarganya.
- B. Maruah tidak tercemar dan disukai orang ramai.
- C. Menjatuhkan maruah tertuduh